



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menerima Akaun Semasa Mata wang Asing PB. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.)	Public Bank Berhad (6463-H) Nama Produk yang Ditawarkan: Akaun Semasa Mata wang Asing PB Tarikh: 30 Ogos 2019
1. Apakah produk ini? <ul style="list-style-type: none">Akaun Semasa yang dikendalikan dalam mata wang asing.Produk ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.	
2. Apakah yang saya peroleh dari produk ini? <ul style="list-style-type: none">Deposit permulaan minimum sebanyak Dolar A.S.1,000.00 atau yang bersamaan dengannya dalam mata wang asing yang lain.Boleh didapati dalam dua belas (12) mata wang asing utama, iaitu Dolar A.S. (USD), Pound British (GBP), Dolar Australia (AUD), Euro (EUR), Dolar Hong Kong (HKD), Dolar New Zealand (NZD), Dolar Singapura (SGD), Yen Jepun (JPY), Renminbi China* (CNY), Franc Swiss (CHF), Baht Thai (THB) dan Dolar Kanada (CAD).Nikmati faedah harian bagi mata wang terpilih dengan syarat memenuhi baki akhir harian minimum.Tiada buku cek dan kad ATM dikeluarkan.Penyata akaun bulanan akan diberi.Tiada baki minimum perlu dikekalkan di dalam akaun. <p>* Peletakan Renminbi China oleh syarikat hanya dibenarkan untuk tujuan berkaitan dengan perdagangan.</p>	
3. Apakah terma dan syarat utamanya? <ul style="list-style-type: none">Pencadang tidak diperlukan semasa membuka akaun.Kelayakan: Individu, Keempunyaan Tunggal, Perkongsian, Entiti Korporat, Persatuan, Kelab dan Pertubuhan.Deposit dan pengeluaran mata wang asing dalam tunai tidak dibenarkan.Penempatan/Deposit Akaun Semasa Mata wang Asing boleh dibuat menerusi:<ul style="list-style-type: none">(a) Penukaran Ringgit Malaysia berdasarkan harga jualan semasa oleh Bank pada waktu peletakan.(b) Penukaran daripada satu mata wang asing kepada mata wang asing yang lain.(c) Dana diterima melalui pindahan bertelegraf atau cek asing (cek asing tidak diterima pakai bagi mata wang asing Renminbi China).	



3. Apakah terma dan syarat utamanya?, sambungan

- Faedah harian bagi mata wang terpilih dengan syarat memenuhi baki akhir harian minimum seperti yang berikut:

Mata Wang	Baki Akhir Harian Minimum untuk Memperoleh Faedah	
	Individu, Empunya Tunggal dan Perkongsian	Bukan Individu
USD	USD100.00	USD3,000.00
GBP	GBP100.00	GBP3,000.00
AUD	AUD100.00	AUD3,000.00
EUR	EUR100.00	EUR3,000.00
HKD	HKD500.00	HKD10,000.00
NZD	NZD100.00	NZD3,000.00
SGD	SGD100.00	SGD3,000.00
JPY	JPY500.00	JPY10,000.00
CHF	CHF100.00	CHF3,000.00
THB	THB500.00	THB10,000.00
CNY*	CNY500.00	CNY10,000.00
CAD	CAD100.00	CAD3,000.00

* Untuk mata wang CNY, empunya tunggal dan perkongsian dikategorikan sebagai 'Bukan Individu'.

- Faedah dikira setiap hari dan dikreditkan pada setiap akhir bulan. Ia dibayar mengikut mata wang yang berkenaan dan tertakluk pada perubahan.
- Akaun ini tertakluk pada dasar, arahan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan undang-undang Malaysia termasuk Peraturan-peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

No.	Jenis Caj	Amaun
1.	Fi Pengendalian Akaun	RM30.00 (atau yang setara) setahun bagi setiap pelanggan. <u>Nota:</u> <ul style="list-style-type: none">• Amaun bersekadar sebanyak RM15.00 (atau yang setara) hendaklah dicaj ke atas akaun yang dibuka pada atau selepas 1 Julai.• Selepas itu, amaun penuh sebanyak RM30.00 (atau yang setara) mesti dibayar pada 1 Disember pada tahun berikutnya.



4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?, sambungan

No.	Jenis Caj	Amaun	
2.	Fi Urus niaga <ul style="list-style-type: none"> Pelanggan individu (merujuk pada pemastautin, bukan pemastautin, empunya tunggal dan perkongsian) 	Jenis Mata wang	Fi Urus niaga bagi setiap Urus niaga Debit
		USD	USD1.00
		GBP	GBP0.50
		AUD	AUD1.00
		EUR	EUR0.50
		HKD	HKD6.00
		NZD	NZD2.00
		SGD	SGD1.00
		JPY	JPY100.00
		CHF	CHF1.00
		THB	THB36.00
		CNY*	CNY6.00
		CAD	CAD1.00
	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan bukan Individu 	USD4.00 (atau yang setara dalam RM) bagi setiap urus niaga debit (pembayaran).	

* Untuk mata wang CNY, empunya tunggal dan perkongsian dikategorikan sebagai 'Bukan Individu'.

5. Apakah risiko-risiko utamanya?

- Risiko Kadar Pertukaran mungkin ditanggung semasa penukaran (jika ada) deposit mata wang asing. Perolehan daripada deposit mata wang asing bergantung pada kadar pertukaran semasa ketika deposit mata wang asing dikeluarkan. Perubahan dalam kadar pertukaran asing bagi penukaran itu mungkin menyebabkan pengurangan dalam perolehan faedah (jika ada) berkenaan dengan deposit dalam akaun tersebut.

6. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan pada butiran untuk menghubungi saya?

- Adalah mustahak untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai perubahan dalam butiran untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

7. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila kunjungi cawangan Public Bank yang berhampiran/hubungi Bank melalui:

Telefon : 1-800-22-9999 pada waktu bekerja biasa

Laman web : www.pbebank.com

8. Apakah jenis Akaun Mata wang Asing yang boleh didapati?

- Akaun Deposit Tetap Mata Wang Asing PB

PERINGATAN

TERDAPAT RISIKO KADAR PERTUKARAN BAWAAN DALAM DEPOSIT MATA WANG ASING DISEBABKAN OLEH TURUN NAIK KADAR PERTUKARAN MATA WANG ASING BERBANDING DENGAN RINGGIT MALAYSIA.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan produk ini dikeluarkan pada 30 Ogos 2019 dan sah sehingga semakan semula.